

CEKUP PEREPAT
Golden-bellied Gerygone

FAMILI: Pardalotidae
NAMA SAINTIFIK: *Gerygone sulphurea*

CIRI-CIRI: Bagi burung dewasa, ia mempunyai paruh pendek lurus yang berwarna hitam, bahagian atas badan berwarna coklat kekelabuan, bahagian bawah badan berwarna kuning pudar dan bintik-bintik putih di bahagian ekor. Diperhatikan bahagian pipi dan tepi kepala berwarna gelap dengan tekak berwarna kuning. Bagi burung juvenil, ia mempunyai bahagian mata yang berwarna putih, bahagian tepi kepala berwarna kelabu lusuh dan bahagian bawah badan berwarna kuning pudar. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 10 hingga 10.5 sm.

MAKANAN: Secara umumnya, ia memakan serangga dan lain-lain invertebrata.

HABITAT: Ia mendiami kawasan paya bakau, pesisiran pantai, paya air tawar dan paya air masin, kawasan perladangan, hutan sekunder, kawasan taman. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI: Ia mengeluarkan bunyi yang berulang-ulang sehingga 10 kali *zweee*, *zriii* dan *zriiii''''uu*. Ia juga mengeluarkan bunyi *chu-whee*.

PEMBIAKAN: Musim pembiakan bagi burung ini adalah dari bulan Disember hingga bulan Oktober. Sarang adalah berbentuk dompet dengan laluan masuk di bahagian tepi dan tergantung dari dahan pokok. Burung betina boleh menghasilkan 2 hingga 3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna putih dengan terdapat bintik-bintik kecil berwarna coklat-kemerahan. Anggaran saiz bagi telur adalah 15.2 x 10.9 mm.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.